



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PENGARAH BAGI  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44/48(KUJ)  
DI UNIT PENGURUSAN PENDIDIKAN MODEL KHAS DAN ORANG ASLI,  
SEKTOR PERANCANGAN DAN PENGURUSAN SEKTOR 2,  
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN (BPSH),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM).**

Permohonan adalah dipelawa kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Penolong Pengarah di Unit Pengurusan Pendidikan Model Khas dan Orang Asli seperti berikut:

Bil	Jawatan
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44/48 (KUJ) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

#### 1. SYARAT - SYARAT UMUM

- 1.1. **Pemohon adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44/48 (KUP) yang sedang berkhidmat di Bahagian/ JPN/ PPD KPM dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP);**
- 1.2. Markah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi 3 tahun terkini;
- 1.3. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 1.4. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun;
- 1.5. Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan institusi/ tabung pendidikan ;

#### 2. SYARAT – SYARAT KHUSUS

- 2.1 **Hanya terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) suku kaum Orang Asli ;**
- 2.2 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda;

- 2.3 Mempunyai **kelulusan ikhtisas dalam bidang pendidikan**;
- 2.4 Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik; dan
- 2.5 Mempunyai kelebihan berkomunikasi menggunakan bahasa Orang Asli.

### 3. CARA MEMOHON

#### 3.1 Tindakan Pemohon

- i. Melengkapkan maklumat yang diperlukan seperti di **Lampiran B** (Borang Permohonan); dan
- ii. Mencetak maklumat permohonan **secara depan belakang**, mengepilkan maklumat berdasarkan senarai semak dan mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan sokongan.

#### 3.2 Tindakan Ketua Jabatan

- i. Melengkapkan ruangan sokongan Ketua Jabatan beserta ulasan (**mandatori**);
- ii. Mengemukakan permohonan yang **disokong sahaja** kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian melalui alamat berikut:

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 3 &4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya.

### 4. LAIN -LAIN

- 4.1 Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada talian telefon 03-88830672
- 4.2 Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 April 2023**.
- 4.3 Hanya pegawai yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk proses temuduga. Sekiranya tiada sebarang jawapan diterima daripada urus setia dalam masa **3 bulan dari tarikh tutup permohonan**, permohonan ini adalah dianggap **tidak berjaya**. Keputusan adalah muktamad dan **sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan**.

**Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

**Mac 2023**